

Oleh Asmahanim Amir
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Inovasi MyDerm UKM dapat pengiktirafan MBOR

Kejayaan penghasilan kulit gantian, MyDerm oleh sekumpulan penyelidik Pusat Perubatan (PP) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai Autologous Tissue Engineered Human Skin pertama di negara ini.

Inovasi ciptaan penyelidik Pusat Kejuruteraan Tisu (TEC) PPUKM, diketuai Prof Datuk Dr Ruszymah Idrus.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata MyDerm kini telah menghampiri peringkat akhir ujian klinikal yang dijalankan secara usaha sama dengan pakar bedah dan klinikal Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, PPUKM.

Beliau berkata, kajian MyDerm yang bermula pada tahun 2013 menunjukkan pemulihan yang amat memuaskan kepada pesakit terutama dalam merawat luka kebakaran, trauma dan ulser diabetik.

"TEC turut bekerjasama dengan anak syarikat UKM, Cell Tissue Technology Sdn Bhd (CTT) bagi tujuan pengkomersialan MyDerm.

"Bagi meningkatkan keyakinan masyarakat



Prof Noor Azlan (kanan) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Eksekutif CTT, Dr Khairul Idzwan Baharin sambil diperhatikan Dr Hilmi (tengah) pada **Majlis Penyerahan Sijil The Malaysia Book of Records kepada CTT dan UKM** di ibu negara, baru-baru ini.

terhadap produk penyelidikan dan pembangunan tempatan, CTT bersamasama rakan industri lain berusaha mendapatkan pensijilan halal daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," katanya pada majlis penyerahan sijil MBOR di ibu negara, baru-baru ini.

Surat hasrat

Pada majlis sama, CTT turut menerima sijil MBOR bagi First Manufacturer of Autologous Tissue Engineered

Human Skin.

TEC dan CTT turut menandatangani surat hasrat bagi menjalin kerjasama erat membabitkan program akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata kejayaan pasukan penyelidik TEC PPUKM itu mencatat sejarah baharu dalam teknologi perubatan negara kerana membolehkan pakar tempatan melakukan perubahan dalam teknik rawatan.

"Setakat ini, MyDerm adalah satu-satunya produk asas pembiakan sel kulit daripada mangsa sendiri sekaligus menjadi pelopor inovasi penting dalam bidang sains hayat atau biologi di Malaysia dan Asia Tenggara, .

"Kejayaan ini wajar mendapat pujian kerana menunjukkan komitmen pakar perubatan dan kesihatan dalam meneroka penemuan dan inovasi baharu bagi menghasilkan produk berimpak tinggi," katanya.

Tay
lan
sel

Sub
Tayl
sity
kan
Dr J
sebu
ku
dar
ver
ga
Er
D
ya
b
s
T